

**Muhyiddin Umum Hasrat Pertahan Jawatan Timbalan Presiden Umno
Bernama
19 Sept, 2013**

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan hasratnya untuk mempertahankan jawatan beliau sebagai Timbalan Presiden Umno dan menawar diri untuk dipilih semula ke jawatan itu pada pemilihan parti Oktober ini.

Ini kerana, kata timbalan perdana menteri, beliau berpendapat masih mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

Katanya sejak memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan lepas, beliau diberi amanah besar, seperti menguruskan jawatankuasa pengurusan parti, memantau pilihan raya, di samping berusaha memantapkan parti Umno dan Barisan Nasional di semua peringkat, bagi mengukuhkan kerajaan dan meningkatkan perpaduan rakyat. Beliau seterusnya menyatakan sokongan padu kepada Datuk Seri Najib Tun Razak untuk terus mempertahankan jawatan sebagai Presiden parti dan bertekad untuk terus membantu kepimpinannya.

"Saya sendiri akan menjadi pencadang kepada beliau dalam borang (pencalonan) yang akan diserahkan pada 21 Sept ini," katanya dalam persidangan media di kediaman rasminya di Sri Satria di sini Khamis.

Dengan keputusan itu Muhyiddin meminta kerjasama, bantuan dan sokongan daripada rakan serta seluruh anggota parti, khususnya para perwakilan untuk membantunya, agar apabila dipilih nanti, beliau akan dapat meneruskan tugas dan tanggungjawabnya demi kepentingan orang Melayu, rakyat Malaysia, negara, bangsa, dan agama.

"Saya kira ramai yang nak tahu apa keputusan saya pada pemilihan ini, jadi saya buat keputusan hari ini untuk memudahkan ahli membuat penilaian. Memanglah saya rasa bukan 'relief' saja, tapi juga saya rasa ini detik penting untuk saya buat pengumuman ini," katanya.

Muhyiddin seterusnya mengucapkan terima kasih terhadap kenyataan yang dibuat oleh badan-badan perhubungan Umno sebelum ini yang secara terbuka menyokong Najib dan beliau.

Menurutnya sokongan terbuka itu menjadi dorongan kepada beliau, kerana berpendapat ini membawa makna perkhidmatan beliau masih diperlukan parti.

Ditanya sekiranya beliau menjangka ada kejutan menjelang pencalonan Sabtu ini, katanya beliau berharap tidak ada apa-apa 'suprise' walaupun sistem baharu pencalonan yang diamalkan kini agak lebih terbuka berbanding sebelum ini.

Beliau berkata ia sememangnya keputusan parti sendiri, bagi membolehkan Umno dilihat sebagai sebuah parti yang demokratik, lebih terbuka, inklusif, dan memberi ruang sebanyaknya kepada sesiapa juga menawarkan diri untuk berkhidmat kepada parti, di jawatan-jawatan penting parti.

"Bagi saya itu adalah sesuatu yang kita telah putuskan, dan kita hormati keputusan itu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978970>